

# UMS wujud Unit Penyelidikan Warisan Borneo

▶ Untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang warisan Borneo

UB 19.12.2014 A3

Oleh I.SAB KHAN  
MUKARAB SHAH

**KOTA KINABLU:** Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak dengan pengwujudan Unit Penyelidikan Warisan Borneo atau Borneo Heritage Research Unit.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Hajiji Noor berkata, tujuan utama penubuhan itu adalah untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang warisan Borneo.

Menurutnya, penyelidikan itu merangkumi kawasan Negara Brunei Darussalam, Kalimantan, Sarawak dan Sabah.

“Dari segi kepentingan, Sabah adalah sebuah negeri

yang dihuni oleh pelbagai etnik pribumi seperti Kadazandusun, Murut, Bajau, Melayu, Brunei dan Iranun.

“Setiap pribumi Sabah memangkaya dengan pelbagai warisan istimewa seperti bahasa, sistem sosial dan kepercayaan, sastera rakyat, adat resam, seni dan tarian tradisional,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penutupan Rasmi Bengkel Peningkatan Amalan Perhubungan Awam Pihak Berkuasa Tempatan Sabah (PBT) dan Pelancaran Unit Penyelidikan Warisan Borneo, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, di sini kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Dr Joachim Gunsalam.

Hajiji berkata, terdapat banyak aspek bidang warisan pribumi Sabah yang masih belum diterokai dan dikaji orang.

“Ketika Syarikat Berpiagam British Borneo Utara mentadbir negeri ini, kajian terhadap warisan pribumi Sabah hanya dilakukan oleh pengkaji Barat.

“Bagaimanapun, selepas Sabah mencapai kemerdekaan, pengkaji tempatan dan agensi kerajaan seperti Muzium Sabah dan Borneo Research Council mula menaruh minat dan mula membuat kajian terhadap warisan ini.

“Memandangkan bidang warisan pribumi Sabah merangkumi satu bidang yang sangat luas dan kajian terhadapnya memakan masa yang panjang,” katanya.

Beliau berkata, penubuhan unit penyelidikan berkenaan

adalah satu langkah yang wajar bagi memulihara warisan Borneo yang menjadi akar kepada identiti etnik pribumi Sabah yang mendiami negeri ini sejak berkurun lamanya.

Dalam pada itu, Hajiji turut menggesa para pegawai PBT agar sentiasa bertindak secara proaktif dalam usaha memberi perkhidmatan dan memberi penjelasan terhadap isu yang melibatkan Kementerian dan jabatan/agensi di bawah KKTP.

“Selain memainkan peranan sebagai pengamal perhubungan awam yang sentiasa meningkatkan komunikasi mampan, interaktif dan beretika bagi mendapatkan sokongan dan kefahaman rakyat,” katanya.

Katanya, para pegawai PBT diingatkan agar membina hubungan pintar dengan



**JOACHIM** (tiga kiri) ketika merasmikan majlis berkenaan.

pihak media massa.

“Dalam pendekatan bersepadu adalah sangat penting untuk merangka program-program media dan promosi seperti lawatan pihak

pengurusan ke organisasi media, penganjuran malam mesra media serta seminar bersama media.

“Dengan kerjasama ini mampu meningkatkan

kerjasama strategik di antara Kementerian, PBT, media massa dan orang awam dalam merealisasikan misi dan visi Kementerian dan PBT,” katanya.